



Yayasan Sarawak

# T E E T B E E T S

Mac 2011

Pemangkin Pembangunan Pendidikan Ke arah Modal Insan Berkualiti



Sesi senaman ringan semasa perhimpunan bulanan Mac 2011

**Kuching- 21 Mac 2011**, Pengarah Yayasan Sarawak En. Mohamad Abu Bakar bin Marzuki telah menegaskan semasa perhimpunan bulanan sesi Februari 2011 bahawa dalam setiap organisasi perkhidmatan awam, kerjasama kumpulan dan dedikasi adalah amat perlu dalam melaksanakan segala aktiviti dan tugas untuk mencapai matlamat sesebuah organisasi. Jika tidak ada kerjasama kumpulan dalam sesuatu organisasi, adalah amat sukar bagi sesebuah organisasi untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Penyatuan usaha hendaklah wujud di dalam sesebuah organisasi bagi menjamin pencapaian yang telah disenaraikan

kan. Selain itu, hubungan di kalangan kakitangan juga dapat menjamin organisasi itu bergerak dengan sempurna, tersusun dan berkesan. Menurut beliau lagi, sekiranya kita menjalankan tugas tanpa memerlukan perkhidmatan dan kerjasama daripada pihak lain, sudah tentu tugas yang dijalankan itu tidak dapat dilestari seperti yang dikehendaki sama ada dari segi masa, kualiti, kuantiti, dan penentuan-penentuan lainnya.

Dalam ucapan tersebut juga beliau turut menyentuh berkenaan pengorbanan. 'Berkorban apa sahaja'. Berkorban masa, tenaga dan segala-galanya. Untuk itu beliau menyeru agar semua wargakerja dengan rela membuat, menyumbang dan melakukan apa sahaja yang difikir perlu terhadap keperluan yang dilihat penting dalam mengukuhkan organisasi. Itulah semangat pengorbanan yang harus ditonjolkan dalam membantu dan menggerakkan organisasi yang menjadi wadah kita sepanjang masa.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau mengucapkan terima kasih di atas kerjasama semua pihak dalam menjayakan setiap misi dan visi organisasi. Beliau juga turut memperkatakan tentang kehangatan sambutan Jubli Delima, iaitu sambutan ulangtahun ke -40 Yayasan Sarawak. Pelbagai aktiviti dan program telah dirancang dan diatur bagi memeriahkan lagi suasana sambutan ulangtahun tersebut antaranya Pelancaran Kelab dan Akademi Bola Sepak, Biggest Loser, So You Think You Can Poco-Poco dan Yayasan Idol...

Rasai kehangatan sambutan Jubli Delima Y.S.



# Buletin semasa



## Langkah bermula di sini

Ahad 27 Mac 2011 bertempat di padang bola sepak PPPYS menyaksikan kehangatan pelancaran Kelab dan Akademi Bola Sepak Yayasan Sarawak (YSFCA) bersempena sambutan ulangtahunnya ke 40 tahun. Kelab dan akademi bola sepak ini terdiri dari kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah. Ini merupakan satu tanggungjawab korporat yang dilaksanakan oleh Yayasan Sarawak untuk melahirkan pemain bola sepak yang professional di masa akan datang. 8 buah pasukan telah menyertai perlawanan tersebut antaranya



Bergambar kenangan bersama Juara pertandingan bola Sepak Kumpulan Kickalob

SK Siol Kanan, SK Semerah Padi, Akademi Kickalob, SK Madrasah, Akademi Sadong Jaya, SK Bandar Samariang dan Yayasan Sarawak Team A & B. Pelancaran Kelab dan Akademi bola sepak Yayasan Sarawak telah dilaksanakan oleh

Presiden FAS iaitu Datu Sudarsono Osman yang telah membuat sepakan bola ke gawang gol serta disaksikan oleh Pengarah Yayasan Sarawak En. Mohammad Abu Bakar Bin Marzuki. Perlawanan akhir yang cukup sengit antara YSFCA (A) dan Kickalob telah dimenangi oleh Pasukan Kickalob melalui sepakan panalti 4 berbalas 3. Ketangkasan penjaga gol dari pasukan Kickalob menampun bola ke gawang gol telah memberikan kemenangan pada pasukan tersebut

## Penyambungan semula Kontrak CBG

Pada 25 Mac 2011 pihak Jabatan Ketua Menteri (JKM) telah membuat keputusan untuk melanjutkan perkhidmatan peserta CBG di seluruh Negeri Sarawak dari tarikh 31 Jun 2011 dilanjutkan ke 2013 berkuatkuasa 1 Julai 2011. Surat tawaran baru akan diedarkan kepada semua peserta CBG samada mahu meneruskan ataupun menamatkan perkhidmatan mereka.

Di Yayasan Sarawak seramai 26 orang sukarelawan yang ditempatkan dipelbagai seksyen. Ini memberi peluang kepada mereka untuk menambah pengalaman yang sedia ada di samping mendalami pelbagai kemahiran sepanjang berkhidmat di Yayasan Sarawak

## Asrama YS di Mesir perlukan perhatian..

Bangunan Asrama Yayasan Sarawak di Mesir memerlukan perhatian. Hasil lawatan dan tinjauan dari PPPH En. Hj Yusuf Bin Bujang bangunan asrama Yayasan Sarawak di Mesir perlu menjalani proses pengubahsuaian dan penambahbaikan. Sehubungan dengan itu pihak pengurusan telah pun bersetuju untuk merancang menambahbaik bangunan Yayasan Sarawak. Antara fokus penambahbaikan yang akan diberi perhatian ialah struktur fizikal dalaman bangunan asrama tersebut. Kerja-kerja penambahbaikan dan pemulihan bangunan asrama tersebut akan dilakukan selewat-lewatnya April ini dan akan dipantau oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa

## Kehangatan sambutan Jubli Delima Yayasan Sarawak

Biggest Loser..So You Think You Can Poco-poco, Yayasan Idol, Makan Malam 'Jubli

Delima' YS dan pelancaran kelab dan Akademi Bola Sepak Yayasan Sarawak (YSFCA) adalah antara program-program yang telah direncana dan di atur bagi



Aksi wargakerja menimbang berat dan menyukat badan yang mendapat sambutan hangat

menghangatkan lagi suasana sambutan Jubli Delima Yayasan Sarawak. Untuk itu seluruh warga kerja Yayasan Sarawak adalah diseru bagi menyertai acara yang telah dan akan berlansung itu nanti.

## Strategic Planning

Damai Beach Resort– Seramai 40 orang wargakerja Yayasan Sarawak (Skel A & Skel B) telah mengikuti program Strategic Planning pada 4 Mac hingga 6 Mac 2011

Program seumpama ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenalpasti hala tuju perancangan dan strategik untuk lima tahun akan datang bagi memastikan YS mencapai objektif, misi dan visi serta pencapaian yang telah ditetapkan sejak 40 tahun penubuhannya.

## Lawatan Sambil Belajar

Stutong –30 Mac 2011, anak-anak Tadika dan Taska Yayasan Ku Sayang telah membuat lawatan sambil belajar ke Taman Rekreasi Stutong.

Lawatan sambil belajar bagi anak-anak Tadika dan Taska Yayasan Ku Sayang dilakukan untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang hidupan flora dan fauna yang perlu dijaga di samping dapat melihat sendiri alam sekeliling dengan kicauan burung dan bunyi cengkerik.



Mewarna...antara aktiviti yang dilakukan semasa lawatan ke taman tersebut

Lawatan sebegini mendidik mereka untuk mendekati dan mengenali alam sekeliling dengan lebih dekat. Ternyata anak-anak Tadika dan Taska sangat teruja apabila berada di Taman Rekreasi tersebut .

## 'Shuffle, Reshuffle'

Kuching -Berkuatkuasa 1 April 2011 5 orang kakitangan Yayasan Sarawak akan bertukar seksyen. Mereka yang dimaksudkan ialah Jennifer Lim dari kaunter aras 3 akan berpindah ke kaunter aras 2, Hilda Sharkawi dari Kaunter aras 2 berpindah ke kaunter aras 1, Hamizah Rakawi dari kaunter lobi berpindah ke kaunter aras 3, Mazuyah Anis dari kaunter CEC berpindah ke PTK dan Vivie Hana Voon Abdullah dari PTK berpindah ke Hartanah.

Pertukaran antara seksyen membolehkan mereka menimba pengalaman dan mengembangkan lagi pengetahuan yang sedia ada di samping menyediakan barisan pelapis di bidang pengurusan. Rangkaian itu juga mereka dapat berkenalan dengan rakan-rakan dari seksyen lain dan mengeratkan silaturrahim antara satu sama lain.

**Tahniah di atas kelahiran cahaya mata;**

- Bethsheba Ak Nasa Atang ( Baby Girl )  
Mya Isabel Bidah

Semoga dengan kehadiran orang baru dalam hidup kalian akan menyerikan lagi rumah tangga yang dibina dan semoga dilimpahi rezeki.

# Citra 5S

## -SUSUN-

### Definisi SUSUN

Menyusun dan menyimpan barang dengan kemas, agar mudah diambil dan disimpan semula ditempat asal.

### Kuantitatif

- Kawalan stok & produk yang cekap
- Masa pencarian yang pantas
- Proses kerja lebih pantas
- Mengelak kesilapan & kesalahan
- Kadar kehilangan peralatan rendah

### Kualitatif

- Suasana kerja lebih selesa
- Mendidik disiplin pekerja positif
- Pekerja terus menjana idea kreatif
- Moral pekerja tinggi
- Selamat ditempat kerja



1. Abdul Hakin Ishak
2. Josephine Lim Chiew Ling
3. Norasmah Bt Adenan
4. Norjanah Mohd Julie
5. Norzaini Morni
6. Parseh Kahar
7. Wan Shaiful Bahri B. Wan Hassan
8. Syed Nizamuddin B. Syed Khasim

# Sorotan Peristiwa Mac 2011



Doa Selamat Keberangkatan Balik Pelajar Mesir



Perjumpaan dan Sesi Dialog dgn Pelajar Mesir



Pelancaran Akademi Bola Sepak YS



Lawatan sambil belajar Tadika & Taska



Perhimpunan Bulanan Sesi Februari 2011



Pameran Sejiwa Senada Jelajah 1 Malaysia di Serian



Pendaftaran Akademi Bola Sepak YS



Lawatan Pelajar Thn 6 dari Bau, Pedawan & Samarahan



Strategic Planning di Damai Puri Resort



Program Motivasi Pelajar Anjuran DBKU & YS



Program Motivasi Pelajar



Kehangatan sambutan Jubli Delima YS. Pertandingan Biggest Loser mendapat sambutan ramai



Ramah Tamah Gong Xi Fa Chai



Kaunter bayaran balik bergerak YS di Pameran Sejiwa Senada Di Taman Sukma, Kuching Utara



Perkampungan pelajar di Miri